

27 MAY 1996

Agong-Jamuan

M'SIA SEDIA KONGSI PENGALAMAN DENGAN KAZAKHSTAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Malaysia bersedia berkongsi pengalamannya dengan Kazakhstan, terutama dalam bidang yang mungkin berguna dan relevan seperti membangunkan kawasan perdagangan bebas, penswastaan, perancangan ekonomi dan pengurusan hubungan antara kaum.

"Perkongsi ini boleh dijadikan sebagai satu pertalian yang penting dan praktikal dalam hubungan dua hala kita," titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada jamuan negara untuk meraikan Presiden Nursultan Nazarbayev di Parlimen di sini malam ini.

Seri Paduka bertitah di kala Malaysia berusaha ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, ia telah memperolehi pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai bidang ekonomi dan pembangunan.

Di sebalik itu, Malaysia yakin Kazakhstan, dengan sumber-sumber semulajadinya yang luas, akan dapat menawarkan peluang-peluang yang menarik kepada usahawan Malaysia untuk bekerjasama dengan rakan sejawatan mereka di Kazakhstan dalam usaha-usaha ekonomi dan perdagangan yang dapat memberi faedah bersama, titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah sebagai sebuah negara membangun yang telah berjaya membawa kemajuan kepada rakyatnya sejak tahun 1957, Malaysia menyedari cabaran-cabaran hebat yang akan dihadapi Kazakhstan, sebagai sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, dalam persekitaran pelbagai kaum.

"Kami juga menyedari bahawa di bawah kepimpinan dinamik Tuan Presiden, Kazakhstan telah membuat langkah-langkah yang berani ke arah pembaharuan politik dan ekonomi dan telah memulakan kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Di peringkat serantau, Malaysia dapat melihat faedah-faedah daripada kerjasama serantau di Asia Tengah dan kemungkinan mengadakan kerjasama erat antara Asean dan rantau Asia Tengah," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah Malaysia dan Kazakhstan telah menikmati perhubungan yang baik sejak mewujudkan perhubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Kazakhstan adalah satu-satunya negara Asia Tengah yang menubuhkan kedutaan di sini.

Titah Seri Paduka, walaupun perhubungan ini baru, interaksi yang aktif sudah diusahakan antara rakyat kedua-dua negara, di peringkat rasmi dan sektor swasta.

"Lawatan Tuan Presiden ke Malaysia akan membolehkan kita menerokai bidang-bidang kerjasama antara Malaysia dan Kazakhstan, dan kehadiran Tuan Presiden di sini telah menyumbang ke arah kesedaran yang lebih lagi terhadap Kazakhstan, termasuk kebudayaan di kalangan rakyat Malaysia.

"Ianya juga membantu merapatkan lagi hubungan ekonomi dan politik antara kedua-dua negara kita," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar bertitah baginda gembira kedua-dua kerajaan telah menandatangani beberapa perjanjian ekonomi dua hala yang dapat menjadi rangka kerja perundangan kepada pembesaran hubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan Kazakhstan.

Seri Paduka bertitah beberapa orang ahli perniagaan yang turut serta dalam lawatan Presiden Kazakhstan itu sudah tentu akan membolehkan hubungan secara langsung diadakan di antara sektor swasta kedua-dua negara.

Dalam ucapan balasnya, Presiden Nazarbayev berkata Kazakhstan amat menghormati dasar luar Malaysia yang memainkan peranan utama dalam pembangunan politik dan ekonomi yang melalui proses positif di rantau Asia Pasifik.

"Kami bangga mendapati para pemimpin Malaysia disanjung tinggi di peringkat dunia," katanya.

Nazarbayev berkata Kazakhstan, yang dari segi kedudukan geopolitiknya merupakan jambatan antara Asia dan Eropah, bersedia untuk menjalinkan hubungan politik, ekonomi dan kemanusiaan dengan Malaysia.

Katanya, hubungan itu perlu digunakan sepenuhnya ke arah keamanan dan kestabilan benua Asia.

Nazarbayev berkata negaranya sedang mengalami proses pembangunan seperti yang pernah dilalui Malaysia dengan menyaksikan perubahan ekonomi, kemajuan teknologi baru dan iklim pelaburan yang menggalakan.

"Pengalaman Malaysia terutamanya dalam perubahan ekonomi amat bermakna kepada kami. Pengalaman inilah yang membolehkan Malaysia bergerak maju dalam pembangunan ekonomi dan rakyatnya bertambah makmur, dan seterusnya menjadikan Malaysia pemimpin serantau," katanya.

Yang hadir ialah Puan Sara A. Nazarbayeva, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali.-- BERNAMA

ZAB OBA